

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI
NASARAH [LENGGONG]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah siswa yang perlu melanjutkan tempoh pembelajaran di Universiti Awam dan tidak dapat menamatkan pembelajaran dalam tempoh masa yang sewajarnya akibat kekangan pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Jumlah siswa yang perlu melanjutkan tempoh pembelajaran di Universiti Awam dan tidak dapat menamatkan pembelajaran dalam tempoh masa yang sewajarnya akibat kekangan pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik COVID-19 berdasarkan peringkat pengajian pada tahun 2020 dan 2021 adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Jumlah	
	Tahun 2020	Tahun 2021
Ph.D	4,043	2,084
Sarjana	5,096	2488
Ijazah	3,099	3,801
Lain-Lain	244	290
JUMLAH	12,482	8,663

KPT sentiasa mengambil berat dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir di dalam pengajian mereka. Dalam hal ini KPT mengambil langkah yang bersesuaian bagi mengenalpasti pelajar yang menghadapi masalah dalam pelaksanaan PdP. Antaranya ialah dengan memberikan IPT fleksibiliti dalam menentukan kaedah PdP serta pentaksiran dan penilaian yang bersesuaian. Selain itu, KPT menerusi Unit Kaunseling dan Bimbingan di UA turut menyediakan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial kepada mahasiswa yang terkesan dari segi tekanan emosi atau mental. Terdapat hampir 150 kaunselor dan pakar psikologi yang bersedia untuk membantu pelajar yang memerlukan melalui perkhidmatan yang diadakan secara fizikal di kampus masing-masing, secara dalam talian (e-kaunseling), dan juga dengan menghubungi talian *hotline* (tele-kaunseling).

Selain itu, KPT turut mencadangkan pelaksanaan inisiatif baharu iaitu KPT IKHSAN yang merupakan program bantuan kewangan secara *one-off* kepada pelajar IPT yang memerlukan seperti bantuan permulaan pengajian, bantuan peranti dan pelan data, bantuan melangsaikan yuran-yuran tertunggak dan sebagainya. Sekiranya dipersetujui oleh Kementerian Kewangan kadar baharu dan inisiatif ini akan berkuat kuasa pada tahun hadapan.